



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**12 Februari 2023
21 Rejab 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• 'Henti tuba udang galah Sungai Kedah' • Komited buat 'pemutihan' ikan pendatang • Perosak ekosistem sungai • Bubu naga 'masuk' Selangor
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star (Sunday Star)	• Jellyfish red alert in Penang waters
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			20	12.02.2023

'Henti tuba udang galah Sungai Kedah'

Alor Setar: Orang ramai diingatkan berhenti menuba udang galah di Sungai Kedah kerana dikhuatiri menjejaskan sumber perikanan serta memudaratkan kesihatan manusia.

Pejabat Perikanan Negeri Kedah dalam kenyataan berkata, pihaknya mengambil serius aduan yang diterima berkaitan kegiatan menuba udang galah di sekitar sungai berkenaan sejak kebelakangan ini.

Katanya, kegiatan terba-

bit berlaku dari kawasan Bukit Pinang hingga ke kawasan Anak Bukit dan Kubang Sepat di daerah Kubang Pasu.

"Kegiatan menuba ini bukan sahaja memusnahkan sumber perikanan malah dikhuatiri kesan racun yang digunakan boleh mendatangkan mudarat kesihatan kepada masyarakat.

"Cara-cara mengenali udang galah yang diracun adalah melalui pengamatan kepada rupa bentuk mata

udang itu mengecut atau pecah akibat kesan racun yang dituang ke dalam sungai," katanya.

Menurut kenyataan itu, pejabat perikanan akan menjalankan operasi penguatkuasaan segera bagi memastikan perkara ini dapat ditangani dan tidak membawa kemudarat.

"Kegiatan menuba adalah kesalahan mengikut Kaedah-kaedah Perikanan (Perikanan Sungai) 1990 dan boleh dikenakan hukuman

penjara dua tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali," katanya.

Justeru katanya, orang ramai diharap dapat memberi kerjasama dengan memantau dan melaporkan kejadian tuba udang yang berlaku ke pejabat perikanan terdekat.

Maklumat juga boleh disalurkan terus ke Pusat Kawalan Operasi yang beroperasi 24 jam di talian 03-8870 4058.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF			NEUTRAL		2	12.02.2023

Kuala Lumpur: Ikan bandar raya atau lebih dikenali 'plecos' adalah spesies ikan pendatang yang boleh ditemui di habitat air tawar seluruh dunia termasuk Malaysia.

Pengarah Pejabat Perikanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya Suhanah Kassiron (*gambar*) berkata, ikan itu berasal dari Amerika Selatan dan mula diperkenalkan di negara ini sekitar 1970-an kepada peminat ikan hiasan.

Komited buat 'pemutihan' ikan pendatang

air tawar.

Menurutnya, ia terkenal dengan panggilan ikan bandar raya kerana tabiatnya gemar membersihkan dan memakan alga yang melekat pada kaca akuarium serta sisa makanan haiwan lain yang terjatuh.

"Ikan itu mempunyai ciri omnivor atau ikan pemakan alga. Ia mempunyai kadar pembiakan yang pantas,

jangka hayat sepanjang lima tahun dan daya tahan tinggi terhadap persekitaran yang tercemar.

"Ia juga mampu membesar sehingga 50 sentimeter (sm) dan ditambah pula dengan perisainya yang sukar ditembusi oleh haiwan pemangsa membolehkannya membiak dengan bebas dan mendominasi banyak sungai seperti Sungai Gom-

bak, Sungai Langat (Selangor), Sungai Perai (Pulau Pinang) dan Sungai Skudai (Johor)," katanya.

Suhanah berkata, ikan Plecos dan spesies asing lain yang bersifat dominan mampu bertahan dalam keadaan air yang tercemar.



"Justeru, populasi mereka tidak mudah pupus, malah mengurangkan bilangan ikan air tawar lain yang ada di perairan umum kita," katanya kepada Metro Ahad.

Beliau berkata, susulan itu, pihaknya mengambil

tindakan segera mengenai kemunculan spesies itu di Sungai Kuyoh dengan mengadakan Program Inventori dan Pemantauan Ikan Asing selama dua hari bermula kelmarin.

Katanya, seramai tujuh pegawai Pejabat Perikanan Wilayah Kuala Lumpur/Putrajaya dan Ibu Pejabat Jabatan Perikanan turun ke lapangan untuk mengumpul maklumat dan data spesies ikan larangan di sekitar Sungai Kuyoh.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR	/	NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			6	12.02.2023

Jellyfish red alert in Penang waters

Worrying number of venomous box jellyfish netted in one sweep

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Swimming off Penang's beaches can bring you a world of pain.

Marine scientists were stunned when they caught 35 highly venomous box jellyfish after trawling a special suspended net for a mere 650m stretch about 200m from the Batu Ferringhi shoreline.

They were of the species *Chiropsoides buitendijki*.

Stings from a *buitendijki* will cause many hours of burning pain throughout your body, although they are not as lethal as the Australian Box Jellyfish, which can kill humans in three minutes.

Most people stung by the *buitendijki* must be warded to remain stable, especially if they suffer from comorbidities like diabetes or hypertension.

First reported in Penang waters in 2017 by marine scientists, only a handful used to be found.

This is the first time 35 have been caught in a single sweep of the scientists' net - this all happened on Jan 12, and three more were caught off Tanjung Bungah that day.

Universiti Sains Malaysia (USM) Centre for Marine and Coastal Studies (Cemacs) director Prof Datuk Dr Aileen Tan said in their previous samplings from August to December last year, they only netted one such specimen per trip.

"However, at about 10.32am on Jan 12, we netted these 35 specimens of *Chiropsoides buitendijki*. It is worrying," she said.

Explaining that jellyfish were passive swimmers or drifters, Prof Tan said their presence close to the beach depended heavily on current and tidal conditions.

She said after this spike in numbers, Cemacs' medical scientists in the Jellyfish Research Team had raised an alert.

On Feb 7, Penang's Fisheries Department posted a public caution



Pain bearers: The 35 highly venomous box jellyfish netted along Batu Ferringhi after marine scientists towed a special net for 650m at about 200m from the shoreline on Jan 12.

to swimmers on Penang beaches, warning them of severe jellyfish stings.

Prof Tan said subsequent monitoring after the 35 were caught showed that box jellyfish numbers had resumed to the normal one or two each time, but the extreme spike on Jan 12 meant that beach-goers must be warned because a calm day at sea might see box jellyfish drifting towards the beach.

"Regular monitoring only started in 2017, and in the last five years, the frequency of box jellyfish sightings has doubled or tripled," she said.

Prof Tan believes venomous box jellyfish began growing around Penang because there was more "food" in the water: run-offs of fertiliser directly foster the proliferation of jellyfish larvae.

"During heavy rain, there would be more agricultural run-offs carrying nutrients into the sea, leading to plankton blooms.

"This increase means more food for jellyfish larvae. Added to the ability of jellyfish to reproduce sexually or asexually, this leads to rapid reproduction," she said.

To tackle the threat of jellyfish in Penang, Cemacs senior science officer Sim Yee Kwang developed a mobile app to help with data collection through citizen science.

Last December, his team of students from Universiti Malaya (UM) and Universiti Kebangsaan Malaysia

(UKM) won the 7th edition of the Ocean Hackathon in France for the app.

It collects data of jellyfish abundance and data from long-term monitoring by Cemacs to predict the blooming periods of jellyfish around the coastal areas of Penang.

The competition, which centred on developing prototypes driven by digital data to solve complex oceanic challenges, was organised by the Embassy of France in Malaysia.

UKM Emergency Medicine Department senior medical lecturer and consultant Prof Dr Ahmad Khaldun Ismail, who specialises in clinical toxicology, said the severity of venomous jellyfish stings varies between species and can cause many different reactions in humans.

He said deaths by jellyfish in Malaysia were recorded from stings of the *Chironex* species.

"However, these stings are still poorly documented due to the lack of interest, funding and research," he added.

As the severity of stings may vary, Prof Ahmad Khaldun said the multi-tentacled box jellyfish *Chironex yamaguchi* was recently identified as the probable main cause of jellyfish deaths in Malaysia.

Penang Fisheries Department director Yazeereen A. Bakar said her department had advised the public to exercise extra caution when swimming off beaches here.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		2	12/2/2023

PEROSAK EKOSISTEM SUNGAI

Lambakan ikan bandar raya di sungai ancam populasi ikan tempatan, kacau sumber rezeki



Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Memiliki daya survival yang tinggi dan mampu hidup dalam air kotor dengan memakan hidupan yang ada di dasar sungai sekali gus mengancam ekosistem.

Itu sifat ikan bandar raya yang dilarang dibuang ke dalam perairan umum seperti sungai kerana spesies terabit juga didakwa memakan telur ikan lain.

Justeru, kemunculan spesies ikan bandar raya yang kini membiak secara berleluasa di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil, dekat sini, dikhawatiri akan merosakkan ekosistem sungai itu.

Ikan bandaraya atau nama saintifiknya Hypostomus Plecostomus kebiasaannya bersaiz kecil, namun kini boleh ditemui dengan saiz besar sehingga seberat lebih 600 gram (g).

Situasi itu turut menjelaskan sumber tangkapan orang ramai yang menjadikan sungai berkenaan sebagai 'lubuk' rezeki ikan tilapia dan puyu sejak beberapa tahun lalu.

Peminat ikan air tawar, Mohd Nur Badri Mat Sidik, 44, berkata, dia aktif menjala di sungai berkenaan sejak setahun lalu dan mula menyedari kehadiran ikan ban-

daraya kira-kira dua bulan lalu apabila ikan tilapia dan puyu dilihat semakin kurang.

Menurutnya, kebiasaannya dia mampu memperolehi antara dua hingga tiga kilogram ikan sungai itu setiap kali menjala, namun kini hanya mendapat 10 hingga 15 ekor saja iaitu tidak sampai dua kilogram.

"Sungai Kuyoh memang banyak tilapia dan puyu, malah turut menjadi port kaki pancing juga. Dulu memang jarang jumpa ikan bandaraya, kalau ada sedikit sangat dan saiz juga kecil.

"Tetapi sekarang boleh kata beberapa sungai di sini (Bukit Jalil) sudah banyak ikan bandaraya, malah ikan-nya juga lebih besar.

"Baru-baru ini saya menjala di Sungai Kuyoh dapat 14 ekor ikan bandar raya dalam sekali tebaran, kalau puyu dan tilapia dapatlah seekor dua," katanya ketika ditemui di sungai berkenaan.

Menurutnya, dia selalu menjala ikan sekitar Kuala Lumpur dan Selangor serta mendapati ikan bandar raya semakin banyak membiak di beberapa sungai, malah pemancing juga kerap dapat ikan itu dengan umpan dedak dan roti.

"Selain Sungai Kuyoh dan Sungai Midah di Bukit Jalil, ikan bandar raya juga ada di Sungai Gombak dan Sungai Klang; Sungai Langat, Dengkil; Sungai Air Keroh, Se-

Ikan bandar raya *Hypostomus Plecostomus*

Ikan bandar raya atau Hypostomus Plecostomus adalah ikan air tawar tropika berasal dari Amerika Selatan.




Mula diperkenalkan di Malaysia sekitar 1970-an kepada peminat ikan hiasan air tawar.

Ikan bandar raya memakan alga dan kebiasaannya dibela dalam akuarium.

Nama ikan bandar raya kerana sinonim dengan sifatnya suka 'membersihkan' kawasan sekelilingnya.

Sifat semula jadi ikan ini akan berada di balik batuan, dedaun dan kurang ancaman.



Grafik | Syaida Sa'eed

INFOGRAFI | Metro

layang serta Sungai Daman-sara dan Sungai Renggam, Shah Alam.

"Spesies ikan bandar raya yang ditemui adalah bersaiz besar dan di Sungai Kuyoh saja, saya dapat yang bersaiz 50 sentimeter (sm) seberat kira-kira 600g hingga 1.2 kilogram, malah paling besar

pernah dapat di Sungai Gombak iaitu 53 sm," katanya.

Menurutnya, ikan bandar raya membawa masalah kerana merosakkan ekosistem sungai dan paling membimbangkan apabila hidupan air akan berkurangan sekali gus dikhawatiri pupus.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		10	12-02-2023



NORAI SYAH menunjukkan bubu naga yang dirampas di beberapa kawasan di perairan Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

BUBU NAGA 'MASUK' SELANGOR

Nelayan tak gentar guna peralatan haram dapat hasil lumayan, mudah dibeli dalam talian dengan harga murah

Oleh Amirul Aiman
Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Kuala Selangor

Mudah didapati terutama menerusi platform e-dagang antara punca penggunaan bubu naga di Selangor semakin berleluasa dan dikesan 'merek' ke sepanjang perairan negeri ini, terutama daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Walaupun pelbagai operasi dijalankan, namun gelintir pemilik peralatan haram itu seakan-akan tidak gentar dan menggunakan pelbagai helah seperti menyembunyikannya di dalam atau sebalik timbunan tong ais, menutup dengan kanvas atau zink serta menutup premis.

Malah, ada juga yang me-

nyorokkan bubu naga dalam rumah semata-mata untuk mengaburi mata pihak berkuasa.

Bagaimanapun, semua taktik itu dipatahkan Jabatan Perikanan Selangor menerusi Operasi Khas Bubu Naga yang dijalankan selama dua hari bermula kelmarin.

Pengarahnya, Noraisyah Abu Bakar, berkata, pihaknya menyasarkan jeli nelayan di dua daerah itu selepas menjalankan risikan serta menerima aduan daripada orang awam.

Menurutnya, pihak Jabatan Perikanan Selangor merampas 1,435 bubu naga bernilai RM81,400 di sekitar kawasan jeli Bagan Tengkorak, di sini, jeli Sekinchan dan jeli Sungai Besar di Sabak Bernam hasil operasi itu.

Katanya, operasi melibatkan 10 anggota penguat kuasa perikanan itu menyas-

sarkan jeli nelayan di daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam yang didapati memasang bubu naga pada kedudukan antara satu sehingga empat batu nautika dari kawasan pantai.

"Sebelum ini, nelayan menandakan bubu naga mereka menggunakan pelampung, tetapi kini mereka menenggelamkannya ke dalam laut dan menggunakan Sistem Penentuan kedudukan Sejagat (GPS) untuk menjejaki lokasi bubu mereka selain ada yang menggajikan warga asing untuk melakukan kegiatan itu," katanya semalam.

Katanya penggunaan bubu haram itu semakin meluas berikutan kos peralatan membeli unit bubu naga murah dan mudah didapati terutama menerusi platform e-dagang dengan pilihan pelbagai saiz selain

mampu mendapatkan hasil lumayan.

Sementara itu, dalam operasi itu juga Noraisyah berkata, enam premis yang menjual bubu naga diberi amaran keras oleh Jabatan Perikanan Selangor.

Katanya penggunaan bubu naga berpotensi memusnahkan benih, anak ikan serta sumber perikanan lain sekali gus menjejaskan keterjaminan makanan negara pada masa akan datang jika tidak dibanteras.

"Bubu naga adalah peralatan tidak dilesenkan dan tidak dibenarkan Jabatan Perikanan kerana ia mempunyai lebih dua injap," katanya menambah penggunaannya boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 11 (3)(c) Akta Perikanan 1985 iaitu denda tidak lebih RM20,000 dan digantung lesen, jika sabit kesalahan.